

# Kes MRT: Dua pemilik tanah masih bincang selesaikan tuntutan

KUALA LUMPUR 5 April - Dua pemilik tanah memaklumkan kepada Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) di sini hari ini bahawa pihaknya masih meneruskan perbincangan untuk menyelesaikan tuntutan mereka berhubung Projek Transit Aliran Massa (MRT).

Mereka antaranya memohon untuk membatalkan perisytiharan yang dibuat oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap cadangan pengambilan

tanah.

Peguam Kanan Persekutuan, Noor Hisham Ismail ketika ditemui pemberita di luar mahkamah memberitahu, Hakim Abang Iskandar Abang Hashim menetapkan 21 Mei ini untuk pengurusan kes itu bagi mengetahui status atau perkembangan perbincangan tersebut.

Tarikh itu ditetapkan oleh Hakim Abang Iskandar di kamar beliau dengan kehadiran peguam pihak-pihak yang terlibat.

Dalam kes pertama, syarikat Spirit Domain Sdn. Bhd. (Spirit Domain) selaku pemohon menamakan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kerajaan Malaysia dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. sebagai pihak responden.

Pada 20 Februari lalu, syarikat tersebut memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk mendapatkan perintah *certiorari* bagi membatalkan keputusan responden pertama terhadap responden kedua da-

lam Borang E.

Borang itu dikeluarkan di bawah Seksyen 10 Akta Pengambilan Tanah 1960 bertarikh 3 Januari lalu untuk mengambil lima lot tanah membatalkan lima geran.

Kes kedua pula membabitkan syarikat Mayland Century Sdn. Bhd. (Mayland Century) selaku pemohon yang menamakan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan Pentadbir Tanah wilayah yang sama sebagai pihak responden.